

# Pendedahan awal urus dunia korporat

**Kuala Lumpur:** Bergiat aktif dalam program dan aktiviti yang dianjurkan pada peringkat kolej kediaman bukan sahaja dapat memperoleh pelbagai kemahiran dan membina sahsiah diri, malah mampu mengasah bakat kepemimpinan mahasiswa.

Presiden Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) Kolej Enam Belas (K16) Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhamad Fetri Sekof, berkata beliau yang sebelum ini pendiam dan pemalu menyifatkan peluang menyertai MTM pada tahun lalu banyak mengajar dirinya untuk menjadi lebih berani berhadapan dengan orang ramai.

"Saya mula berkenalan dengan individu yang mempunyai kemahiran dan ilmu serta mereka banyak mendorong dalam mengasah bakat kepemimpinan dan sahsiah diri ini.

"Pelbagai aktiviti dan program yang saya sertai juga mengajar saya mengenai pengurusan masa, tanggungjawab dan kemahiran komuni-



May Ng

kasi yang menjadi asas kepada sifat pemimpin," katanya.

Muhamad Fetri berkata, peranannya sebagai Presiden MTM K16 adalah untuk memastikan semua ahli jawatankuasa menjalankan tugas dan memantau setiap aktiviti yang dianjurkan supaya berjalan dengan lancar.

## Wakil pelajar

"Bagi memudahkan urusan, saya akan melantik seseorang untuk sentiasa melaporkan keadaan semasa aktiviti berkenaan kerana melalui cara ini, saya dapat mengetahui keadaan di sebalik perjalanan


sesuatu aktiviti.

"Dari segi menjaga kebajikan pelajar pula, saya sentiasa menasihati ahli jawatankuasa supaya tenang dan sabar melayan kehendak pelajar lain supaya kesejahteraan serta kelangsungan hidup mereka sentiasa dititikberatkan," katanya.

Sementara itu, Presiden Jawatankuasa Tindakan (JTK) Kolej Kediaman Raja Dr Nazrin Shah (KK12), Universiti Malaya, May Ng, berkata mandat yang diberikan kepadanya banyak mengajar beliau untuk mengurus masa dengan lebih cekap.

"Arahan yang diberikan mungkin bertindih atau datang secara mengejut menjadikan saya perlu belajar memikirkan strategi pengurusan masa yang sesuai bagi memastikan tugas yang diberikan dapat diselesaikan tanpa mengabaikan pelajaran.

"Selain itu, saya dapat memperbaiki kemahiran berkomunikasi supaya mesej atau arahan yang diberikan oleh pihak pengurusan dapat disampaikan dengan tepat dan mudah difahami oleh ahli jawatankuasa kolej," katanya.



Mahasiswa mendekati masyarakat melalui pelbagai program kemasyarakatan.